



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

ISSN : 2289-9537

IQORA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitm www.instagram.com/ptaruim perpustakaanuitm.blogspot.my

- 1- KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN SANITASI KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
- 3- SUMBANGAN WAQAF TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
- 4-8- PTAR SHAH ALAM MENGANJURKAN 5 PROGRAM SIARAN LANGSUNG – LIVE@PTAR SEPANJANG BULAN MEI 2020
- 11- LIPUTAN AKHBAR : 25 KHATAM AL-QURAN DALAM TALIAN
- 12- LIPUTAN AKHBAR : KONGSI DERITA PALESTIN DALAM TALIAN
- 20- REVIEW AND SELFIE WITH A BOOK CONTEST @PTAR PULAU PINANG
- 21- SESI KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT (KKM) SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
- 22-24- WAKAF RAYA WITH PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UTM CAWANGAN PAHANG

KERJA -KERJA PEMBERSIHAN DAN SANITASI KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

13 MEI 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Pada 13 Mei 2020, warga kerja Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah mengadakan gotong royong bagi kerja-kerja pembersihan dan sanitasi ruang pejabat, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Lanya bagi memastikan persekitaran pejabat dan perpustakaan adalah betul betul bersih dan selamat digunakan serta sebagai langkah pencegahan penularan Covid-19. Kerja pembersihan meliputi seluruh kawasan pejabat di semua aras seperti semua kaunter perkhidmatan, lif, tandas, pantri, ruang pejabat dan lain-lain

SUMBANGAN WAQAF TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

SUMBANGAN WAQAF

TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

<https://library.uitm.edu.my>

Simbolik Penyerahan *Mock Cheque*

Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan menyerahkan Mock Cheque Sumbangan Waqaf berjumlah **RM25,000.00** dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, kepada Naib Canselor, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim



Majlis Penyerahan Sumbangan Waqaf

oleh : Bahagian Komunikasi Korporat, PTAR

Kompleks Arshad Ayub merupakan projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menghormati Ybgh. Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM), dari tahun 1967 hingga 1975.

Kompleks Arshad Ayub akan dibina diatas tapak seluas 3 hektar di Seksyen 3, Shah Alam. Pembinaan akan bermula tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023.

Kompleks Arshad Ayub merangkumi dewan, bilik kuliah, perpustakaan, ruang rekreasi, dewan pelbagai guna dan lot perniagaan untuk disewa.

Bagi menyokong sepenuhnya pembinaan Kompleks Arshad Ayub, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menyumbangkan waqaf wang tunai sebanyak RM25,000.00 kepada Tabung Kompleks Arshad Ayub

UITM.

Simbolik penyerahan sumbangan wakaf telah dilaksanakan pada 21 Mei 2020 oleh Ketua Pustakawan, Ts. Noor Hidayat bin Adnan kepada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM sambil disaksikan oleh barisan Ketua-Ketua Jabatan dari PTAR.

Pemberian sumbangan ini adalah bagi membantu pihak UiTM untuk melengkapkan kemudahan perpustakaan baharu di Kompleks Arshad Ayub. Semoga sumbangan Wakaf tunai ini sedikit sebanyak dapat mempercepatkan pembinaan Kompleks tersebut agar ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya kelak oleh warga UiTM. .

LIVE
STREAMING

LIVE@PTAR: ULASAN BUKU DAN PERKONGSIAN AKTIVITI MEMBUDAYAKAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA DI PERPUSTAKAAN UITM

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Antara komen / maklumbalas dari viewers

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan program Live@PTAR bertajuk *Ulasan Buku dan Perkongsian Aktiviti Membudayakan Program Galakan Membaca di Perpustakaan UITM* pada 5 Mei 2020 dibawah segmen *Literacy Talk with Librarian*. Puan Siti Salwa A Rahman, Pustakawan Kanan selaku moderator program dan disertai oleh En Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, UITM Terengganu, En Mohd Hafiz, Kasirun, Pustakawan Kanan, UITM Negeri Sembilan dan En Khairil Bahrom Rosli, Pustakawan Kanan UITM Sarawak selaku panel jemputan. Antara kupasan menarik adalah perkongsian aktiviti membudayakan program galakan membaca di Perpustakaan UITM serta ulasan buku yang dipilih oleh panel jemputan. Peserta atau Viewers program Live@PTAR kali ini terdiri daripada warga kerja perpustakaan dan telah ditonton seramai kira-kira 490 viewers. Imbas QR Code untuk melihat semula rakaman program ini.

LIVE
STREAMING

LIVE@PTAR: ULASAN BUKU DAN FORUM MASYARAKAT MEMBACA MASYARAKAT BERJAYA

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



1920X1080 25 FPS



Antara komen / maklumbalas dari viewers


Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan program Live@PTAR bertajuk Ulasan Buku dan Forum Masyarakat Membaca Masyarakat Berjaya pada 11 Mei 2020 dibawah segmen Bicara Buku. Puan Nor Azwan Mohamad, Pustakawan Kanan selaku moderator program dan disertai oleh Dr Alwi Mohd Yunus, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM, Puan Jaz Norfazuna Binti Jaafar, Pustakawan, PTAR dan Saudari Nor Fadlina Lutfi, Fakulti Undang-Undang selaku panel jemputan. Antara kupasan menarik adalah perkongsian aktiviti membudayakan membaca dikalangan masyarakat mampu memberi kejayaan yang luar biasa serta Berjaya dalam kehidupan. Para panel juga berkongsi dan memberi ulasan buku yang dibaca mereka didalam forum ini. Seramai kira-kira 2,200 viewers telah menonton program kali ini. Bagi menonton semula program segmen ini, sila imbas QR Code pada poster program.

LIVE
STREAMING

LIVE@PTAR: FORMATTING THESIS : KENAPA PERLU BUAT SENDIRI? SEGMENT : BERSAMA PAKAR

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Antara komen / maklumbalas dari viewers

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan program Live@PTAR bertajuk dibawah segmen Bersama Pakar bertajuk Formatting Thesis : Kenapa perlu buat sendiri?, pada 13 Mei 2020. Panel pakar jemputan adalah terdiri daripada Prof. Madya Ts. Dr Mohamad Noorman Masrek, Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM dan Dr Mohd Zuli Jaafar, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan UITM, manakala moderator yang mengendalikan segmen ini adalah Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan. Antara isi penting yang dikupas oleh pakar jemputan adalah mengenai keperluan mendalami ilmu format tesis bagi memudahkan pelajar dan nasihat-nasihat yang berguna mengenai kepentingan membuat formatting thesis sendiri . Seramai kira-kira 2,700 viewers telah menonton program kali ini. Bagi menonton semula program segmen ini, sila imbas QR Code pada poster program.

LIVE
STREAMING


LIVE@PTAR: SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW FOR LIBRARIAN. SEGMENT : LITERACY TALK WITH LIBRARIAN

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



1920X1080 25 FPS



Antara komen / maklumbalas dari viewers


Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan program Live@PTAR bertajuk *Systematic Literature Review for Librarian* dibawah Segmen *Literacy Talk With Librarian* pada 19 Mei 2020. Panel jemputan adalah Dr. Mohd Faizal Hamzah, Pustakawan Kanan dari Universiti Malaya Library dan En Muslim Ismail@Ahmad, Pustakawan Kanan dari Perpustakaan UITM Kelantan. Moderator yang mengendalikan segmen ini adalah Puan Adlina Binti Abdullah, Pustakawan Kanan. Antara isi penting yang dikupas oleh panel jemputan adalah mengenai keperluan mendalami ilmu *systematic literature review* dikalangan pustakawan. Ianya bagi memudahkan pustakawan membantu para penyelidik universiti bagi mendapatkan kandungan maklumat yang betul bagi kegunaan penyelidikan mereka. Seramai kira-kira 2,000 viewers telah menonton program kali ini. Bagi menonton semula program segmen ini, sila imbas QR Code pada poster program.

LIVE
STREAMING


LIVE@PTAR: ULASAN BUKU DAN PERKONGSIAN WORK FROM HOME : PRE AND POST COVID-19. SEGMENT : LITERACY TALK WITH LIBRARIAN

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



1920X1080 25 FPS





Antara komen / maklumbalas dari viewers

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mengadakan program Ulusan Buku dan Perkongsian Work From Home : Pre and Post Covid-19 dibawah Segmen Literacy Talk With Librarian pada 19 Mei 2020. Panel jemputan adalah Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan dari Perpustakaan UITM Melaka, Puan Norfitriah Binti mat Seman dari Perpustakaan UITM Pahang dan Puan Zuhaslinda Sulaiman, Pustakawan Kanan dari Perpustakaan UITM Shah Alam. Moderator yang mengendalikan segmen ini adalah Puan Eza Ellana Binti Abdul Wahid, Pustakawan Kanan. Antara isi penting yang dikupas oleh panel jemputan adalah mengenai perkongsian pengalaman panel sebagai pengurus/pegawai perpustakaan dalam pengendalian perkhidmatan perpustakaan sepanjang tempoh PKP serta juga persediaan yang dilaksanakan oleh perpustakaan dalam membuka operasi fizikal perpustakaan. Turut dikongsi, ulasan buku sebagai salah satu usaha membudayakan aktiviti membaca. Seramai kira-kira 2,000 viewers telah menonton program kali ini. Bagi menonton semula program segmen ini, sila imbas QR Code pada poster program.

SESI KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT (KKM) SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Platform: Google Meet & Webex

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni



Pada 18 Mac 2020 telah berkuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran dibuat atas talian (online). Selaras dengan usaha UiTM melaksanakan Pembelajaran Atas Talian (Online Distance Learning), perpustakaan turut mengambil langkah melaksanakan sesi Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) dengan sebaiknya menggunakan platform yang bersesuaian iaitu Google Meet dan Webex. Pada sesi pertama PKP dijalankan, sambutan bagi KKM kurang menggalakkan, namun setelah PKP kedua, sesi KKM semakin mendapat tempat dikalangan para pelajar dan pensyarah. Keseluruhan bilangan peserta yang menyertai KKM sepanjang PKP adalah sebanyak 11 sesi KKM dengan jumlah seramai 326 orang peserta. PTAR KPA juga telah mengambil inisiatif merakam video sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut serta memuatnaik video ke saluran Youtube Puan Nurul Diana Jasni yang mana ianya memuda kan para peserta merujuk semula apa yang telah dipelajari atau ketinggalan semasa kelas dijalankan. Sambutan dan maklumbalas baik yang diterima semasa sesi ini dijalankan juga dapat dilihat sebagai satu usaha mempromosikan usaha PTAR bagi meningkatkan perkhidmatan Perpustakaan Digital kepada warga UiTM.

LIVE
STREAMING

LIVE@PTAR: INISIATIF & PERKONGSIAN MAKERSPACE DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI

Platform : Facebook Rasmi UITM & YouTube Perpustakaan UITM

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni



21 Mac 2020: PTAR UITM Cawangan Selangor dengan Kerjasama Unit Komunikasi Korporat PTAR telah bekerjasama menganjurkan Live@PTAR seperti berikut:

Moderator: Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UITM Puncak Alam

Panel Jemputan:

1. Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UNIMAP
2. Dr Siti Azma Jusoh, Koordinator, MAKERLAB UITM Cawangan Selangor
3. Encik Amirul Firdaus Zilah, Pustakawan Kanan, Universiti Malaysia Kelantan

Perpustakaan akademik kini berdepan pelbagai cabaran dalam memastikan perkhidmatan dan kemudahan yang disampaikan kepada pengguna masih terus kekal relevan. Justeru itu topik Live@PTAR yang dibawakan adalah amat bertepatan dengan perkembangan Revolusi Industri IR4.0 / serta penekanan mengenai aspirasi Education 5.0 yang dinyatakan oleh "Malaysia Education Blueprint 2013 – 2025" Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program live ini telah dibawakan secara langsung selama 1 jam dengan menerima pelbagai soalan dari, respon dan maklumbalas yang amat baik dari penonton. Ringkasan statistik program Live@PTAR ini telah mencatatkan jumlah keseluruhan tontonan di FB sebanyak 2.1k & 25 shares. Youtube – 365 views

Pautan Sosial Media:

<https://www.facebook.com/uitmrasmi/videos/835750200249402/>

<https://www.youtube.com/watch?v=DbTbhBhviKk>

LIVE 
STREAMING

**LIVE QURAN HOUR @ PROGRAM KHATAM
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA : 13 MEI 2020**

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan



REC Perpustakaan Tun Abdul Razak
TEKNOLOGI MARA

PTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

00:00:20:05

WORLD
#QuranHour

**LIVE QURAN HOUR@PROGRAM KHATAM
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA**

13 MEI 2020 | RABU
10.00 PAGI - 11.00 PAGI

CISCO WEBEX |
<http://qr.library.uitm.edu.my/quranhour>

MENU ≡

1920x1080 25 FPS

Siaran media - Harian Metro Online
13 Mei 2020
"25 khatam al-Quran dalam talian"
Berita penuh: <https://bit.ly/3dZ5TYP>

Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

SERAMAI 25 kakitangan Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR) Universiti Teknologi Mara (UITM) Cawangan Melaka menyertai majlis khatam al- Quran secara dalam talian sempena #WorldQuranHour di Kampus Alor Gajah, Lendu, hari ini. Timbalan Ketua Pustakawan PTAR Melaka, Noor Hayati Abu Kassim berkata, sebelum ini mereka bertadarus di kediaman masing-masing sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Beliau berkata, PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) membolehkan kakitangan dan keluarga bertadarus dalam tempoh berkenaan, sekali gus meningkatkan syiar Islam. "Bacaan serentak diadakan secara langsung walaupun membabitkan kakitangan di Kampus Jasin dan Kampus Bandaraya di Jalan Hang Tuah, Melaka. "Konsep secara maya berkenaan antara normal baharu sepanjang pandemik Covid- 19 yang menekankan prosedur operasi standard (SOP) ketat perlu patuhi dalam dunia pekerjaan dan perjalanan harian," katanya. Sebelum bacaan al-Quran, ceramah bertajuk 'Kelebihan membaca al- Quran' turut disampaikan pegawai agama kampus terbabit, Zaini Yazid yang turut mengetuai bacaan.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 13 Mei 2020 @ 9:05 PM

LIVE
STREAMING

**LIVE @ PTAR MELAKA : RAMADAN
BERSAMA PALESTIN : 19 MEI 2020**

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

00:00:20:05

RAMADAN BERSAMA PALESTIN
19 MEI 2020 | SELASA | 11.00 pg- 12.00 tgh

PLATFORM : Google Meets
meet.google.com/wiy-bcuh-wuy

ANJURAN :
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA
AMAN PALESTIN MELAKA

1920X1080 25 FPS

Scan to join

Siaran media - Harian Metro Online
19 Mei 2020

"Kongsi derita Palestin dalam tallan"

Berita penuh: <http://www.hmetro.com.my/node/580408>

Nazri Abu Bakar

am@hmetro.com.my

"RAMADAN di Palestin kali ini lebih getir kerana bukan sahaja berhadapan dengan rejim zionis malah diancam wabak pandemik Covid-19," kata Pengerusi Aman Palestin Melaka, Muhammad Zulfikar

Muhammad Zulfikar berkata demikian ketika program 'Ramadan Bersama Palestin' secara dalam tallan anjuran Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Melaka hari ini.

Menurutnya, perkongsian selama hampir dua jam itu memberi penjelasan berhubung situasi semasa di penghujung Ramadan di Palestin.

"Susulan pandemik wabak Covid-19 menjadikan situasi bertambah sukar untuk dilalui selain kekurangan makanan dan perubatan.

"Malah ada kediaman mereka diroboh dan rakyat mereka terus menderita terutama warga emas dan kanak-kanak. Namun mereka melalui dengan tenang walaupun berdepan pelbagai ancaman keselamatan dan nyawa. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kita lalui sudah dilalui mereka sejak dahulu lagi.

Muhammad Zulfikar berkata, dia gembira program berkenaan turut disertai kakitangan UITM Johor dan Pahang yang berkongsi maklumat keperluan hidup warga Palestin.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UITM Melaka, Noor Hayati Abu Kassim berkata perkongsian berkaitan perkembangan semasa masyarakat Palestin dijadikan sebagai pengajaran dan pendidikan yang boleh dijadikan panduan.

Beliau berkata, lebih 30 peserta termasuk PTAR Kampus Jasin dan Kampus Bandaraya berkesempatan mengikuti program ini samada yang berada di rumah atau di pejabat.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 19 Mei 2020 @ 7:04 PM

LIVE
STREAMING

PROGRAM LIVE @ PTAR BICARA BUKU : ULASAN BUKU DAN PERKONGSIAN CABARAN NORMA BAHARU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : 15 MEI 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof

The screenshot shows a Facebook Live event interface. At the top left is the logo of REC UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA. The event title is 'Live@PTAR BICARA BUKU ULASAN BUKU & PERKONGSIAN CABARAN NORMA BAHARU PEMBELAJARAN' with a date and time of '15 MEI 2020 | 3:00 PETANG'. The event is hosted by Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Melaka. The video player shows a panel of four participants: Saudara Ahmad Lukman, Saudari Nur Izzati, Erick Abd Malek, and Puan Maznah Maarof. The video has 1920x1080 resolution and 25 FPS. There are social media icons for Facebook Live and YouTube, and a 'STAY CONNECTED' banner with the text 'ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE'.



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UIMT Cawangan Melaka, Kampus Jasin telah menganjurkan Live@PTAR bertajuk Ulasan Buku dan Perkongsian Cabaran Norma Baharu Pengajaran dan Pembelajaran. Aktiviti membudayakan program Galakan Membaca di Perpustakaan UIMT telah diadakan pada 15 Mei 2020 di bawah segmen Literacy Talk with Librarian. Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan selaku moderator program dan disertai oleh 3 orang ahli panel jemputan iaitu : En Mohd Ab Malek, Pensyarah Kanan, Jabatan Undang – undang UIMT Cawangan Melaka, Saudara Ahmad Lukman Rusli, Pelajar Fakulti Perladangan & Agroteknologi dan Saudari Nur Izzati Nor Azaham, Pelajar Fakulti Sains Komuter & Matematik. Antara kupasan menarik adalah perkongsian pengalaman serta cabaran dalam menyesuaikan diri dengan Norma Baharu pengajaran dan pembelajaran. Pengkongsian pengalaman ini dilihat dari perspektif sebagai pensyarah dan juga sebagai seorang pelajar. Peserta atau viewers program Live@PTAR terdiri daripada warga staf Perpustakaan khususnya, juga secara umumnya warga UIMT yang meliputi pelbagai unit dan bahagian yang di view seramai 972 viewers.



SESI LAWATAN SUAI PENOLONG REKTOR KAMPUS JASIN KE PTAR UiTM KAMPUS JASIN

Tarikh : 19 Mei 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

Sesi lawatan dan suai kenal bersama Penolong Rektor Kampus Jasin yang baru, YBrs. Dr. Siti Normah Awang Tuah ke PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin pada 19 Mei 2020, jam 2.00 petang. Sebagai rekod, YBrs. Dr. Siti Normah Awang Tuah merupakan Penolong Rektor yang ketiga dilantik bagi mentadbir dan menguruskan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Semoga UiTM Jasin terus mencipta kegemilangan dan kejayaan dalam segala aspek. Perpustakaan juga berharap YBrs. Dr. Siti Normah Awang Tuah dapat membantu dan menjayakan segala perancangan yang akan dilaksanakan oleh Perpustakaan demi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

LIVE
STREAMING

LIVE @ PTAR BUAL BICARA SECARA LANGSUNG PERKONGSIAN BERSAMA KAUNSELOR DENGAN TAJUK MENGEMBALIKAN SEMANGAT BEKERJA & MOTIVASI DIRI: PASCA PKP : 19 MEI 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman

00:00:20:05

STAY CONNECTED

Bual Bicara Secara Langsung Perkongsiannya Bersama Kaunselor

Mengembalikan Semangat Bekerja & Motivasi Diri: Pasca PKP

Tarikh: 19 Mei 2020
Masa: 11.00 pagi
Medium: FB Live
PTAR UITM CNS

Join Inbas & Sertai Kami!

Live@PTAR

MODERATOR: Puan Nur Rabita Rouzan
PANEL: Encik Nasrullah Zainal Abidin, Puan Che Ku Fariah, Puan Norfarhana Zulkifli

00:00:20:05

REC

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu

tajuk yg baik dan tepat, tambah2 kerja dekat2 raya ni, serta tak boleh balik kampung. Syabas diucapkan kepada pihak penganjur

dan bertajuk tajuk: Mengembalikan Semangat bekerja & Motivasi Diri: Pasca PKP segment:

PTAR Uitm Negeri Sembilan was live.

19 May at 11:00 · 🌐

Bual Bicara Secara Langsung : Mengembalikan Semangat Bekerja & Motivasi Diri: Pasca PKP...

Mengembalikan Semangat Bekerja & Motivasi Diri: Pasca PKP...

See more

👍❤️👍 228 215 comments 1.5K views

Like Comment Share

Comments Hide

Newest

1 reply

Noorlis Ahmad · 58:05

A very informative discussion antara kaunselor...syabas ptar nis atas penganjuran...sekali sekala kita dgr selain dr akademik and research sgt menenangkan...tahniah ptar 🙌

Like · Reply · 2 w 3

2 replies

Newest

Nadia Farrah · 0:00

terima kasih panel, moderator, PTAR NS

Love · Reply · 2 w 2

2 replies

Pertama kalinya Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM CNS mengadakan program bual bicara siaran langsung melalui medium Facebook PTAR UITM Negeri Sembilan dan YouTube Perpustakaan UiTM. Live@PTAR ini telah berlangsung pada 19 Mei 2020 bermula jam 11 pagi dengan tajuk Mengembalikan Semangat Bekerja & Motivasi Diri: Pasca PKP. Moderator bagi program ini adalah Pustakawan Kanan, Puan Nur Rabita Rouzan dan panel jemputan terdiri dari kaunselor UiTM CNS iaitu Puan Che Ku Fariah Che Ku Abdul Satar, Pegawai Psikologi Kanan, Kampus Kuala Pilah, Puan Norfarhana Zulkifli, Pegawai Psikologi Kanan, Kampus Seremban dan Encik Nasrullah Zainal Abidin, Pegawai Psikologi, Kampus Rembau. Antara pengisian program yang dibicarakan, persediaan yang perlu ada bagi setiap pekerja sebelum kembali bertugas (dari WFH ke WFO), kesan the new normal kepada pekerja dari sudut psikologi, pengurusan emosi dan tekanan, cabaran sepanjang mengendalikan kes semasa tempoh PKP/PKPB dan sebagainya. Di akhir program, setiap panel telah berkongsi ilmu dengan membuat ulasan buku yang dipilih oleh panel. Peserta atau viewer yang menyaksikan program Live@PTAR ini adalah terdiri daripada warga UiTM dengan jumlah tontonan 1.5k di medium Facebook PTAR UITM Negeri Sembilan dan seramai 1.2k view dari medium YouTube Perpustakaan UiTM.

BOOK REVIEW BY STAFF PTAR UITM CNS (SIRI 2) : 15 MEI 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Pada 15 Mei 2020, hari Jumaat jam 10 pagi telah diadakan aktiviti Book Review by PTAR N9 Staff menggunakan medium Google Meet. Book review ini telah disampaikan oleh wakil-wakil PTAR dari setiap kampus UITM CNS. Setiap pengulas diberikan masa selama 10 minit untuk membuat ulasan buku yang telah dipilih dan staf yang mengikuti boleh bertanyakan soalan berkenaan buku yang diulas. Aktiviti ini diadakan khusus untuk staf PTAR UITM CNS dan seramai 18 orang staf yang menyertai (participants) semasa aktiviti ini berlangsung.

LIVE BOOK REVIEW BY UITM STUDENTS : 16 MEI 2020



Pada 16 Mei 2020, hari Sabtu jam 9 malam telah diadakan aktiviti Live Book Review by UITM Students menggunakan medium Google Meet. Aktiviti ini merupakan projek yang diberikan kepada pelajar latihan industri PTAR Kampus Rembau, Saudari Nurul Khalida Shaharudin. Pelajar ini dikehendaki membuat perancangan, mereka poster, membuat promosi, mencari peserta, menjadi moderator dan seterusnya menyediakan laporan. Setiap pelajar diberikan masa 5 minit untuk membuat ulasan buku. Aktiviti ini telah berlangsung selama 1 jam. Seramai 76 orang yang menyertai (participants) aktiviti ini, terdiri dari pelajar, pensyarah dan staf UITM CNS.

eTAZKIRAH RAMADHAN @ PTAR UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh : Safizan Sapian



TAZKIRAH RAMADHAN
@PTAR

“LAILATUL QADAR - TAWARAN HEBAT DARIPADA ALLAH S.W.T”

Disampaikan oleh:
USTAZ MOHAMMAD FAIZUL ABDAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS KUALA PILAH

8 Mei 2020 (Jumaat)
11.00 pagi
Menerusi Aplikasi Google Meet

“Library for all”

#stayathome
#staysafe
#sharingknowledge

UITM **PTAR**

“LibraryForAll”
<http://library.nsembilan.uitm.edu.my>

Pada 8 Mei 2020, PTAR UITM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah menganjurkan program eTazkirah Ramadhan @ PTAR secara langsung melalui aplikasi Google Meet dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UITM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah pada jam 11.00 pagi. Program tersebut disampaikan oleh Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan Unit Hal Ehwal UITM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah yang bertajuk “Lailatul Qadar – Tawaran Hebat Daripada Allah S.W.T”. Hampir semua warga kerja PTAR UITM Cawangan Negeri Sembilan dari ketiga-tiga kampus menyertai program yang dianjurkan.

READ & RELAX @ PTAR TAPAH


Disediakan oleh : Nur Aida Rousli

Read & Relax@PTAR Tapah adalah merupakan penerbitan mengenai ulasan buku terpilih bagi menyokong pembudayaan membaca dalam kalangan pengguna.

Buku Bilangan 1

Tajuk : Jadi Pemimpin Hebat

Penulis : Dr. Yazid Abdul Manap



Buku Bilangan 3

Tajuk : Remaja Bijak Belanja: Tip dan Panduan

Pengurusan Kewangan dan Perbelanjaan


Penulis : Syuhaili Othman dan Amaludin Ab. Rahman



Buku Bilangan 2

Tajuk : Elak ICU Kewangan

Penulis : Hajah Rohani dan Datuk Haji Mohd Shahir




Buku Bilangan 4

Tajuk : Tip Menjadi Pelajar IPT Cemerlang: Graduan

Beriman, Berakhlak dan Berilmu

Penulis : Dato' Dr. Haji Mohd Fadilah Kamsah dan

Rohidzir Rais



PAMERAN PERPUSTAKAAN UiTM

Perpustakaan Tun Abdul Razak
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Perak
Kampus Tapah

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

Normal Baharu
Hari Raya
Aidilfitri
2020

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

PAMERAN
MAYA

Sila imbas Kod QR
untuk ke Pameran
Maya

PAMERAN MAYA: NORMAL BAHARU HARI RAYA AIDILFITRI 2020

Tarikh : Mei 2020

Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2020 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menyediakan pameran maya bertajuk: *Normal Baharu Hari Raya Aidilfitri 2020*.

Antara maklumat yang disertakan adalah syarat – syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk panduan rakyat Malaysia seperti ziarah hari raya pertama sahaja, rentas negeri untuk balik ke kampung tidak dibenarkan, sambutan hari raya secara tertutup di rumah, solat sunat hari raya aidilfitri dan elakkan bersalaman dan bersentuhan.

Sila imbas di Kod QR atau layari di pautan: <https://online.fliphtml5.com/fbowp/qdrv/#p=2> untuk mengakses bahan pameran.